

03 JUN 2002

Mahathir-Belanjawan

DR MAHATHIR MAHU BADAN SUKARELA TURUT BANTU TANGANI MASALAH SOSIAL

PUTRAJAYA, 3 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata badan-badan sukarela dan pertubuhan sosial harus membantu kerajaan dalam membanteras gejala sosial dan jenayah.

Beliau berkata mereka perlu berusaha menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh seluruh anggota masyarakat secara bersama-sama dengan kerajaan demi meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat.

"Dalam kita menikmati peningkatan kualiti hidup rakyat, kita juga perlu menangani isu-isu sosial semasa," katanya pada sesi Dialog Belanjawan 2003 yang dihadiri wakil badan bukan kerajaan dan pertubuhan sosial di sini hari ini.

Katanya pelbagai masalah sosial telah menjadi tajuk utama media massa sejak kebelakangan ini dan kes-kes sumbang mahram, penggunaan dadah, gangguan seksual dan rogol perlu ditangani agar tidak menjadi barah kepada masyarakat.

"Kes-kes jenayah seperti gerakan militan dan penganas juga mesti ditangani untuk memastikan keselamatan dan kestabilan negara. Saya berharap badan-badan sukarela dan pertubuhan sosial menggunakan peruntukan dan kemudahan yang disediakan oleh kerajaan secara cekap dan berkesan," katanya.

Dr Mahathir berkata dalam hal ini mereka juga perlu mendapatkan kerjasama pihak swasta bagi menjayakan program sosial dan kemasyarakatan.

Katanya pertumbuhan ekonomi dunia yang lembap tahun lepas mengakibatkan timbulnya masalah pemberhentian pekerja dan pengangguran terutama di kalangan siswazah, yang juga merupakan isu yang perlu diberi perhatian.

"Punca utama masalah ini berlaku adalah kerana wujudnya ketidaksepadanan antara keluaran institusi pendidikan tinggi dengan kehendak tenaga kerja industri," katanya.

Bagi mengatasi masalah itu, kata Perdana Menteri, pelbagai program dan latihan kemahiran sedang dilaksanakan oleh agensi-agensi kerajaan.

Beliau juga berkata kerajaan sememangnya peka mengenai perlunya bagi meningkatkan taraf hidup rakyat terutamanya golongan berpendapatan rendah dan yang kurang bernasib baik.

Katanya dalam Rancangan Pembangunan Lima Tahun, peruntukan yang disediakan oleh kerajaan semakin meningkat bagi menjayakan program pembangunan sosial.

Belanjawan 2002 telah memperuntukkan RM35.4 bilion atau 35.2 peratus daripada keseluruhan belanjawan, bagi program pendidikan, kesihatan, perumahan serta perkhidmatan dan kebajikan masyarakat.

"Bagi meningkatkan lagi kemudahan dan taraf hidup rakyat luar bandar, kerajaan telah menyediakan peruntukan terbesar iaitu RM5.34 bilion untuk program pertanian, pembangunan tanah dan pembangunan kampung dan masyarakat," katanya.

Beliau berkata, kerajaan juga memberi perhatian terhadap kesihatan dan pembangunan keluarga serta pendidikan luar bandar.

Program-program kerajaan yang telah dilaksanakan itu, berjaya meningkatkan kualiti hidup rakyat, katanya.

-- BERNAMA

SR RZS ZS NMO